

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**HKN 206 – Kesusasteraan Bercorak Islam di Nusantara**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Bincangkan sejauhmanakah pandangan al-Hallaj mengenai konsep Nur Muhammad seperti yang dapat dikesan menerusi teks **Hikayat Nur Muhammad** dapat membantu khalayak untuk memahami tahap-tahap kewujudan alam transenden.
  
2. **لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ**  
[surah al-Ahzab 33:21]

Maksudnya: Sesungguhnya Rasulullah itu adalah sebagai ikutan yang baik bagi kamu.

Dengan menjadikan ayat di atas sebagai panduan, bincangkan secara kritis untuk memperlihatkan bahawa nazam **Maulid Jawi [Kanz al-'Ula]** tidak hanya sekadar menghidangkan sejarah dan riwayat hidup Nabi Muhammad s.a.w semata-mata.

3. Semasa hayatnya Sultan Iskandar Thani telah membina sebuah taman yang dinamakan Taman Ghairah.

Secara kritis nilaiakan keberkesanan gambaran yang dibuat oleh Nuru'ddin ar-Raniri tentang taman ini di dalam karyanya **Bustanu's- Salatin**. Berikan juga tafsiran anda tentang taman ini dengan merujuk kepada unsur-unsur tertentu yang terdapat di dalamnya.

4. Jelaskan pengertian bingkai sepetimana yang dihuraikan oleh Mia I. Gerhardt dalam bukunya **The Art of Story Telling**. Berdasarkan pengertian itu, bahaskan secara ilmiah kedudukan **Hikayat Maharaja Ali** sebagai sebuah cerita berbingkai. Bahasan anda harus disokong dengan hujah-hujah yang mantap dan contoh-contoh yang tepat.
5. Ajaran Wahdatul-Wujud seperti yang disarankan oleh Hamzah Fansuri menerusi karyanya **Rubai Hamzah Fansuri** menekankan kepada hubungan asyik dan maksyuk di antara perindu dengan mahbubnya. Dengan mengambil karya tersebut sebagai landasan perbincangan, tafsirkan daksi, simbol dan pelbagai unsur alam yang dapat dikesan dalam karya tersebut sebagai menjelaskan pengalaman kesufian pengarang.
6. Entji' Amin telah memperkenalkan satu gaya baru di bahagian **exordium** dan keseluruhan struktur **Sja'ir Perang Mengkasar**. Berdasarkan pernyataan tersebut, bincangkan:
- [a] Bahagian **exordium** dengan menyatakan keunikannya.
  - [b] Ragam bahasa yang terkandung dalam syair tersebut yang memperlihatkan sikap pengarang terhadap musuh pihak Mengkasar.
7. Kitab kecil **Jala 'al-Qulub Bidhikri'llah** karangan Tuan Tabal menyarankan kepada khalayak mengenai kesempurnaan insan. Dengan memfokuskan kepada saranan Tuan Tabal itu, hurlakan secara terperinci berserta dengan contoh-contoh yang sesuai mengenai:
- [a] pembahagian status insan.
  - [b] pengertian kalbu sebagai baitullah.
  - [c] keistimewaan karya ini sebagai sebuah karya bercorak Islam .